**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : ISU**

# Rokok haba kena ikut peraturan

## Peranti mesti patuhi peraturan kawalan hasil tembakau 2004

**Oleh Halina Mohd Noor dan Nor Hatina Shuib**
cnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Baru-baru ini sejenis peranti yang digunakan untuk memanaskan tembakau dan bukan membakarnya atau *Heat Not Burn* (HNB) diperkenalkan di pasaran yang kononnya lebih selamat berbanding rokok biasa kerana kurang mengeluarkan asap yang memberi kesan buruk kepada orang awam.

Fungsinya adalah untuk 'memanggang' tembakau, menghasilkan pelepasan wap kering untuk disedut penggunanya tanpa asap dalam setiap hembusan.

Batang haba mengeluarkan semburan ringan 'kering' yang menghilang dalam beberapa saat - tidak seperti pelepasan asap dari rokok atau wap daripada vape dan rokok elektronik (e-rokok).

Pengguna memasukkan batang tembakau pendek yang didatangkan dalam pelbagai perisa seperti pudina dan pati buah ke dalam peranti pemanasan.

Sejak diperkenalkan di pasaran antarabangsa tahun lepas, peranti baharu yang semakin popular di seluruh dunia dan juga di Malaysia itu, nampaknya cukup mengelirukan dari segi penggunaannya sebagai rokok dan kesannya ke atas kesihatan awam.

Bagaimanapun, aktivis antimerokok Amerika dan pegawai kesihatannya sudah menyuarakan kebimbangan sama ada peranti baharu itu mampu mengurangkan kematian akibat tembakau atau ia hanya menggantikan satu produk berbahaya lain.

Persoalannya kini, HNB tidak tertakluk kepada peraturan yang sama seperti rokok walaupun ia berada di bawah definisi rokok, malah seakan mendapat 'layanan istimewa' dari segi perundangan di negara ini apabila bebas dipromosikan secara terbuka khususnya di dalam media sosial.

Lebih mengecewakan, tiada sebarang paparan amaran kesihatan bergambar serta label kandungan nikotin serta tar berbanding rokok konvensional.

Definisi 'Rokok' di bawah Kawalan Peraturan-Peraturan Produk Tembakau 2004 merangkumi sebarang produk yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian daripada tembakau yang dipotong, dicincang atau dikeluarkan, atau mana-mana hasil tembakau atau pengganti, dalam satu atau lebih kertas bungkus dan yang boleh digunakan dengan segera untuk merokok.

'Merokok' bermaksud menghirup dan menghembus asap atau wap daripada mana-mana produk tembakau dan termasuk pemegangan atau kawalan terhadap apa-apa produk tembakau yang dinyalakan, dipanaskan atau diuapkan.

Oleh kerana HNB mengandungi tembakau, digulung dalam satu bungkusan kertas, produk tembakau yang dipanaskan, ia di bawah takrif rokok di bawah undang-undang, ia perlu mematuhi undang-undang Kementerian Kesihatan di bawah Peraturan Produk Kawalan Tembakau 2004 dan diperlakukan seperti rokok konvensional.

Pengarah Urusan Japan Tobacco International (JTI) Malaysia, Cormac O'Rourke, berharap pihak KKM mengadakan rundingan dengan industri bagi menjelaskan persoalan ini.

"Kami sudah meminta penjelasan daripada KKM berkenaan pengawalseliaan produk ini, bagaimanapun sehingga kini belum ada jawapan daripada pihak KKM.

### Perlu perincian

"Peraturan yang dilaksanakan terhadap produk tembakau pada masa ini, iaitu PPKHT 2004, perlu diperinci dan diperjelaskan oleh KKM kerana aplikasi perundangan yang tidak konsisten terhadap produk tertentu termasuk HNB,"katanya.

Sementara itu, beberapa syarikat pengeluar rokok lain turut dihubungi, namun gagal mendapat sebarang maklum balas daripada mereka.

Mengulas mengenai persoalan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata HNB adalah di kawal di bawah Kawalan Peraturan-Peraturan Produk Tembakau 2004.

"Larangan iklan serta promosi bagi produk ini adalah tertakluk kepada Peraturan 4 iaitu Larangan Mengenai Iklan Hasil Tembakau, Peraturan 5 Larangan Mengenai Tajaan dan Peraturan 5A iaitu Larangan Penjualan Hasil Tembakau melalui Promosi. Peraturan 10A PPKT 2004 juga melarang penjualan hasil tembakau secara atas talian.

"Berkaitan amaran bergambar bahaya merokok, di bawah Peraturan 15, PPKHT 2004 hanya memperuntukkan pembungkusan mengenai Amaran Kesihatan Bergambar kepada produk rokok iaitu Peraturan ini tidak tertakluk produk tembakau selain rokok seperti e-rokok yang menggunakan tembakau, curut, cigarillos dan lain-lain," katanya.

Bagaimanapun, Pembungkusan Amaran Kesihatan Bergambar bagi produk lain, termasuk e-rokok yang menggunakan tembakau akan dilaksanakan dalam akta baharu Kementerian Kesihatan tempoh terdekat.

**Info**



### Kandungan rokok

→ **Mengandungi** lebih 4,000 jenis bahan kimia berbahaya.
→ **1 batang rokok** - mengandungi nikotin, tar, ammonia, ubat gegat, racun anai-anai, kadmium, ubat nyamuk, bahan awet mayat, butane, methanol, racun, bahan pelarut dan gas beracun.
→ **Kesannya**: menyebabkan penyakit kanser, sistem pernafasan, kardiovaskular, terbantut kesuburan dan ketagih.

### Bahaya rokok alaf baru

→ **Tidak melabelkan dengan jelas kandungan nikotin** dan bahan lain, seperti logam berat (plumbum, timah, tembaga, mangan) yang terkandung pada bahan perisa cecair nikotin, yang boleh mengancam kesihatan.
→ **Tidak dilengkapi penapis yang menyebabkan risiko** terus kepada paru-paru berbanding rokok konvensional, yang biasanya dilengkapi penapis meskipun mengandungi bahan kimia lain seperti tar dan ubat gegat.
→ **Perisa manis dan kayu manis dalam cecair nikotin** mengandungi bahan kimia diacetyl, yang dikaitkan dengan penyakit berkaitan pernafasan, manakala perisa ceri mengandungi benzaldehyde iaitu sejenis kompaun berkait dengan radang salur pernafasan.

*Sumber: Pakar Perubatan Respiratori Pusat Pakar Perubatan UiTM, Prof Madya Dr Ahmad Izuanuddin Ismail*

# Soal jawab

**bersama Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah**

**S1 Dari segi iklan /promosi e-rokok adakah larangan sama dikenakan ke atas e-rokok seperti rokok biasa?**

**S2 Mengapa produk-produk e-rokok ini bebas diiklankan, termasuk di sosial media?**

**Jawapan kepada soalan 1 dan soalan 2:**
Terdapat tiga jenis e-rokok iaitu:
a) e-rokok yang menggunakan cecair nikotin.
b) e-rokok yang menggunakan tembakau dikenali sebagai Heated Tobacco Product.
c) e-rokok yang menggunakan cecair yang tidak mengandungi nikotin atau tidak mengandungi hasil tembakau.



**a) e-rokok yang menggunakan cecair nikotin:**
- Bagi e-rokok yang mengandungi nikotin ia adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952.
- Di bawah Jadual Pertama (Kumpulan C), Akta Racun 1952 semua jenis sediaan nikotin dalam apa jua bentuk adalah diklasifikasikan sebagai Racun Kelas C kecuali tembakau.
- Semua penjualan sediaan yang mengandungi nikotin hanya dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen dan pengamal perubatan berdaftar dan hendaklah berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.
- Sehingga kini e-rokok yang mengandungi nikotin tidak didaftarkan untuk tujuan rawatan di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

**b) e-rokok yang menggunakan tembakau:**
- e-rokok ini juga dikenali sebagai Heated Tobacco Product.
- ia adalah dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil tembakau (PPKHT) 2204.
- Larangan iklan serta promosi bagi produk ini adalah tertakluk kepada Peraturan 4 iaitu Larangan Mengenai Iklan Hasil Tembakau, Peraturan 5 Larangan Mengenai Tajaan dan Peraturan 5A iaitu Larangan Penjualan Hasil Tembakau melalui Promosi.
- Peraturan 10A PPKT 2004 juga melarang penjualan hasil tembakau secara atas talian.

**c) e-rokok yang menggunakan cecair yang tidak mengandungi nikotin atau tidak mengandungi hasil tembakau.**
- Bagi e-rokok yang tidak mengandungi nikotin sehingga kini tiada kawalan dibuat termasuk kawalan berkaitan iklan dan promosi.
- Kawalan bagi e-rokok tidak mengandungi nikotin sedang dibangunkan di bawah akta baru yang oleh pihak KKM sama seperti kawalan bagi rokok biasa.



**S3 Mengapa amaran bergambar bahaya merokok tidak diwajibkan untuk diletakkan ke atas produk e-rokok?**

**Jawapan:**
- Peraturan 15 , PPKHT 2004 hanya memperuntukkan pembungkusan mengenai Amaran Kesihatan Bergambar kepada produk rokok.
- Peraturan ini tidak tertakluk kepada produk tembakau selain rokok seperti e-rokok yang menggunakan tembakau, cigar , cigarillos dan lain-lain.
- Pembunguksan Amaran Kesihatan Bergambar bagi produk lain termasuk e-rokok yang menggunakan tembakau akan dilaksanakan di dalam Akta Baru KKM.

**S4 Mengapa produk e-rokok tidak dikenakan cukai rokok, sedangkan ia termasuk dalam kategori rokok?**

- Semua duti eksais dikenakan kepada semua jenis produk tembakau termasuk rokok dan e-rokok yang mengandungi tembakau.
- Bagi e-rokok yang mengandungi nikotin ia adalah dikawal selia di bawah Akta Racun 1952.
- Manakala e-rokok yang tidak mengandungi nikotin dan hasil tembakau adalah tidak tertakluk kepada duti eksais .Pengenaan duti eksais kepada produk tembakau dan merokok adalah di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.



> Peraturan yang dilaksanakan terhadap produk tembakau pada masa ini, iaitu PPKHT 2004, perlu diperinci dan diperjelaskan oleh KKM kerana aplikasi perundangan yang tidak konsisten terhadap produk tertentu termasuk HNB"
>
> ***Cormac O'Rourke,*** *Pengarah Urusan Japan Tobacco International (JTI) Malaysia*

GRAFIK BH